

Identiti Harian dalam Subjektiviti Cina Malaysia

LEE YOK FEE

PENGENALAN

Kajian ke atas identiti mana-mana kumpulan ras atau etnik di Malaysia adalah penting kerana ia berkait rapat dengan pembinaan bangsa negara kita. Pada umumnya, pembinaan bangsa merujuk kepada proses membentuk identiti nasional kita yang dapat menerima pluralisme etnik sambil menyemai semangat kenegaraan yang menyeluruh. Secara ontologi, Shamsul (1997) mengatakan Malaysia adalah masyarakat yang mempunyai sifat kemajmukan yang tinggi sejak dahulu lagi, iaitu zaman pra-penjajahan. Pendapat ini bertentangan dengan majoriti sarjana yang memegang teori bahawa fenomena itu adalah hasil penjajahan. Sebagai masyarakat majmuk, pembinaan bangsa sentiasa menjadi cabaran yang besar kepada Malaysia.

Komposisi etnik negara ini mengandungi dua kategori yang besar, iaitu Bumiputera dan bukan-Bumiputera. Bumiputera membentuk 65.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia dalam Banci 2000. Kategori Bumiputera terdiri daripada orang Melayu dan penduduk asli di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Contoh Orang Asli adalah Kadazan dan Iban. Selain itu, orang Cina (26.0 peratus) dan orang India (7.7 peratus) adalah majoriti dalam kategori orang bukan-Bumiputera. Status Bumiputera dimantapkan dalam Perlembagaan Malaysia dengan Perkara 153 yang menyatakan kedudukan istimewa Bumiputera itu tidak boleh dipersoalkan.

Dari aspek agama dan bahasa, semua orang Melayu adalah Muslim dan bertutur bahasa Melayu seperti yang dimaktubkan dalam Perlembagaan Malaysia. Namun, bukan semua Muslim itu orang Melayu, selain bertutur dialek tempatan dengan setengah mereka masih animistik (Mohd Taib Osman 1989). Begitu juga dengan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Mereka juga bukan bersifat homogen dari segi agama dan bahasa. Demikian juga dengan majoriti orang India di Malaysia kerana ada yang menganuti agama Hindu dan bercakap bahasa Tamil, tetapi ada juga yang menganuti agama lain (seperti Sikhisme, Islam dan Kristian) dan bertutur bahasa yang berlainan (termasuk Telegu dan Punjabi).

Selain itu, latar belakang bahasa dan sistem kepercayaan orang Cina juga kompleks. Orang Cina Malaysia boleh dibahagikan mengikut kumpulan dialek (*fanganqun*), seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew, Hainan, Hokchiu, Kwongsi dan Henghua (Lee Kam Hing & Tan Chee Beng 2000). Orang Cina Malaysia tidak mempunyai istilah untuk agama “tradisional” mereka. Tan Chee Beng (2000) menggunakan istilah “Chinese Religion” untuk merujuk kepada

satu set kepercayaan dan amalan yang kompleks yang mereka warisi daripada tradisi keagamaan di China, bercampur dengan inovasi tempatan dan kepercayaan dan praktis keagamaan tempatan dalam sistem keagamaannya. Istilah ini sesuai kerana orang Cina Malaysia telah menggunakan agama orang Cina (*huaren zongjiao*) sebagai suatu kontras kepada tradisi keagamaan lain. Selain itu, agama orang Cina di Malaysia menggabungkan agama rakyat dengan elemen tradisi Tao dan Buddha, serta etika Konfusianisme.

Distribusi etnik tidak banyak berubah, walaupun penduduk Malaysia telah bertambah dengan pesatnya. Kedua-dua kategori demografi utama dalam populasi itu, iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera, sentiasa dianggap penting dalam mengekalkan keseimbangan etnik di Malaysia. Hubungan orang Cina-Melayu memainkan peranan penting dalam politik pembinaan bangsa Malaysia.

Sejak merdeka lagi, pemimpin negara terus berjuang untuk membina identiti kebangsaan dengan mengurus hubungan orang Cina-Melayu. Identiti kebangsaan, iaitu Bangsa Malaysia atau “United Malaysian Nation” dicirikan perpaduan dan integrasi nasional sesama rakyatnya. Namun, usaha untuk membina identiti yang diidamkan itu sentiasa dipenuhi halangan dan masalah. Dalam konteks hubungan orang Cina-Melayu telah berlaku beberapa peristiwa pada dekad yang lalu. Antaranya adalah *Suqiu* pada Ogos 1999 yang melibatkan isu sekolah rendah Cina di Damansara dan pengambilan pelajar ke universiti tempatan. Ada juga pertikaian dengan piawai kelayakan Matrikulasi berbanding dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau yang lebih dikenali sebagai STPM (setara dengan *A-levels*) yang menjadi asas kelayakan masuk ke universiti. Matrikulasi adalah sistem peperiksaan alternatif yang dibentuk untuk memenuhi keperluan Bumiputera.

Keunikan latar belakang negara ini dengan kerumitan hubungan orang Cina-Melayu seperti yang dinyatakan tadi telah melahirkan beberapa kajian dan perbincangan tentang identiti orang Cina di Malaysia. Kebanyakan kajian tentang identiti orang Cina Malaysia itu adalah berdasarkan analisis peringkat makro yang lebih memfokuskan struktur sosial dan bukannya pelaku sosial (Lee Yok Fee 2003).

Dalam kajian peringkat makro yang lepas, majoriti sarjana memfokus kepada struktur atau konteks tertentu bagi mengkaji bagaimana identiti orang Cina dikembangkan. Misalnya, Tan Chee Beng (1983 & 2000) telah mengadakan kajian ke atas identiti peranakan Baba dan Nyonya di Melaka. Dalam kajiannya, Tan menyimpulkan identiti peranakan Baba dan Nyonya itu adalah bersifat situasional sebagai hasil perubahan budaya, iaitu melalui proses asimilasi. Identiti kebudayaan itu dapat dilihat pada elemen budaya seperti pakaian, gaya rambut, makanan, cara memasak, sistem kepercayaan, adat dan yang paling penting bahasa. Begitu juga dengan Hou (2002), yang telah mengkaji identiti orang Cina Malaysia dalam konteks kebudayaan. Hou melihat perubahan identiti orang Cina di dua peringkat masa: sebelum dan selepas kemerdekaan Malaysia. Dengan

menganalisis kepustakaan Cina, Hou menyimpulkan identiti orang Cina dan kebudayaan Cina adalah hasil perubahan dalam politik etnik di Malaysia.

Dalam konteks pendidikan, Ku (2003) telah mengkaji pembentukan identiti orang Cina dengan meneliti perkembangan sekolah menengah Cina di Malaysia. Pada pandangannya, pendidikan Cina memainkan peranan penting dalam menyalurkan nilai tradisional Cina kepada generasi baharu, sambil menyuntik semangat kebangsaan dan kesedaran politik kepada mereka. Selain itu, Nagata (1995) pula telah melakukan kajian menyeluruh ke atas hubungan antara identiti orang Cina dengan agama. Dengan memfokuskan komuniti Kristian Cina di Pulau Pinang, Nagata meneliti bagaimana adat dan budaya Kristian telah mempengaruhi identiti agama orang Cina. Beliau menyimpulkan bahawa penyertaan dan penglibatan dalam agama Kristian, yang bersifat sejagat dan bukan-tradisional itu tidak membuat orang Kristian Cina menafikan budaya dan identiti Cina.

Terdapat juga sarjana lain yang telah mengkaji identiti orang Cina dalam konteks politik. Loh (1988 & 2000) meneliti identiti politik orang Cina berdasarkan kerja lapangannya di Kinta, Perak, dari 1977-1978. Dalam kajiannya, Loh mengaitkan kesedaran politik orang Cina kampung dengan keperluan sosio-ekonomi tempatan dan pengalihan sokongannya dari seorang pemimpin parti politik ke seorang pemimpin yang lain. Pengkaji yang lain, Hara (2003) telah meneliti transformasi kesedaran identiti orang Cina dalam 1945-1957, iaitu dari kesedaran identiti yang mengutamakan China kepada kesedaran identiti yang mengutamakan Malaya. Tulisannya jelas menerangkan bagaimana orang Cina mengubah identiti sambil mengekalkan elemen tertentu bila bermigrasi dari China ke Alam Melayu. Hara telah memfokuskan elemen politik yang penting untuk memerhati identiti orang Cina. Misalnya, beliau meneliti bagaimana Kuomintang (KMT) dan Parti Komunis Malaya (PKM) telah membahagikan orang Cina di Malaya dengan mengukuhkan hubungannya dengan China sebagai tanah air dalam masa serentak. Beliau menggunakan perhimpunan awam, terutamanya perayaan "Double Tenth" dan penglibatan persatuan Cina dan parti politik sebagai kayu pengukur tentang tahap perubahan kesedaran identiti orang Cina Malaya.

Seperti Hara, Chui (1990) juga mengkaji perubahan identiti orang Cina Malaya selama 15 tahun selepas Perang Dunia II, iaitu dari 1945 hingga 1959. Dari kajiannya, beliau menyimpulkan perubahan identiti orang Cina adalah hasil reaksinya kepada institusi politik. Berdasarkan bahan sekunder seperti akhbar, majalah ulang tahun persatuan, laporan kerajaan dan tesis, Chui menganalisis reaksi institusi politik Cina seperti KMT, *China Democratic Alliance*, *Straits Chinese Community*, PKM, *Malayan Chinese Association* (MCA), dan *Chinese Chambers of Commerce* (CCC) kepada perubahan politik drastik dalam tempoh itu dengan meneliti bagaimana mereka memanifestasikan identiti Cina.

Dalam kajian makro yang dibincangkan tadi, keupayaan, kreativiti dan peranan pelaku sosial tidak diutamakan. Sebaliknya, sifat pelaku sosial sentiasa diandaikan sebagai yang tetap, pasif dan homogen. Ironinya terlalu

sedikit kajian di peringkat mikro telah dikendalikan untuk memahami pembentukan identiti Cina di Malaysia. Dengan penyelidikan yang telah dijalankan itu, penulis ingin menjawab persoalan: apakah orang Cina Malaysia tahu identiti harian mereka dan bagaimana membentuk identiti mereka dalam kehidupan harian?

Artikel ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, beri penerangan ringkas tentang konsep identiti dan subjektiviti. Kedua, perkenalkan isu identiti harian dengan menggunakan pendekatan abduktif. Ketiga, bincangkan jenis identiti harian dalam pengetahuan orang Cina Malaysia dan pembentukan identiti dalam kehidupan harian.

IDENTITI DAN SUBJEKTIVITI

Ahli sains sosial yang berdepan dengan cabaran dalam kajian identiti sentiasa memulakan kajiannya dengan memberi definisi tentang identiti. Apakah itu identiti? Tidak dinafikan ia satu istilah yang kompleks, berasal daripada perkataan *idem*, yang bermakna ‘persamaan’ dan ‘kesinambungan’. Seterusnya ia telah menggabungkan makna ‘ketetapan di tengah-tengah perubahan’ dan ‘perpaduan dalam kepelbagaian’. Berdasarkan interpretasi ke atas makna itu, sifat identiti boleh dimanifestasikan secara serentak dalam bentuk yang tetap dan dinamik.

Untuk mendekati perkara yang melibatkan banyak aspek ini, disiplin atau sekolah pemikiran yang berlainan telah mencadangkan, lantaran menggunakan pelbagai metodologi untuk mengkaji pembentukannya. Di bidang sains sosial dan kemanusiaan, ada dua bidang utama dalam pengajian identiti: psikodinamik dan sosiologikal (Plummer 2003).

Tradisi psikodinamik bermula daripada teori identifikasi Sigmund Freud (1910) yang mengatakan identiti individu itu dibentuk melalui proses bagaimana ia mengasimilasikan dan mencantumkan objek dan manusia pada zaman kanak-kanaknya. Teori ini menekankan daya dalaman struktur psikik atau keupayaan mental sebagai pemilikan identiti yang berterusan. Hujah itu sama dengan pandangan Lichtenstein (1977) yang mengatakan keupayaan untuk mengekalkan persamaan dalam konteks perubahan yang berterusan.

Seterusnya, Erikson (1968) telah mengembangkan konsep identiti dalam kerangka teori psikodinamik. Beliau melihat identiti sebagai proses dalam individu dan daya komunal kebudayaan. Sehubungan itu, semasa Perang Dunia II, Erikson mengembangkan konsep ‘krisis identiti’ untuk mengkaji pesakit yang telah kehilangan perasaan kesamaan peribadi dan kesinambungan sejarah. Daripada itu, Erikson menggeneralisasikan krisis identiti dalam konteks perkembangan manusia dengan krisis peribadi dengan saat sejarah dikaitkan. Akhirnya, konsep krisis identiti telah digunakan sebagai istilah umum untuk mencetuskan konsep lain, seperti ‘krisis pertengahan umur’ (Plummer 2003).

Dalam tradisi sosiologi, Cooley (1902) dan Mead (1934) memulakan analisis identiti di peringkat mikro dengan memfokuskan pembentukan ‘*me*’ dan mengkaji

bagaimana individu mengandaikan 'diri'nya melalui interaksi sesama manusia. Konsep 'diri' itu merujuk kepada proses reflektiviti yang dihasilkan daripada hubungan dialektik antara 'I' dan 'me'. Dalam formula Mead (1934), 'diri' merujuk kepada fenomena refleksif yang dikembangkan dalam interaksi sosial dan bergantung pada sifat bahasa sosial manusia. Di sini, konsep 'diri' telah memberi asas falsafah untuk psikologi sosial untuk menyiasat 'konsep-diri', walaupun konsep 'diri' itu sukar didekati daripada pemerhatian empirikal.

Berbanding dengan konsep 'diri', 'konsep-diri' merujuk kepada 'hasil' dalam aktiviti refleksif. Ia adalah konsep yang dimiliki individu sebagai manusia, selain aspek fizikal, sosial dan rohani atau moralnya. Rosenberg (1979) telah mendefinisikan 'konsep-diri' sebagai "... keseluruhan pemikiran dan perasaan individu bila merujuk dirinya sebagai objek..." Sekiranya makna identiti telah didefinisikan dalam konteks sedemikian, identiti memfokuskan pada makna yang mengandungi 'diri' sebagai objek yang memberi struktur dan kandungan kepada 'konsep-diri', sementara itu mengekalkan 'diri' sebagai sesuatu sistem sosial.

Selanjutnya, hubungan saling berkaitan antara 'diri' dengan masyarakat adalah jelas dalam tradisi simbolik interaksionisme. Dalam tradisi ini ada dua bidang utama: interaksionis prosesual dan interaksionis struktural. Kedua-duanya berbeza dalam aspek konseptualisasi dan andaian ke atas hubungan diri dengan masyarakat, fokus substantif dan metodologi (Gecas 1982:10).

Berhubung dengan interaksionis prosesual, Blumer (1969), Glaser dan Strauss (1967), Becker (1963) dan Stone (1962) menekankan pembentukan dan pengekalan identiti melalui proses perundingan dalam konteks situasi sosial. Perundingan identiti adalah aspek penting usaha individu dalam mendefinisikan situasi dan membentuk realitinya. Makna ini dilihat sebagai hasil daripada proses interaksi yang fleksibel dan bertimbal balik. Pada masa yang sama, aksi dan interaksi dilihat sebagai yang tidak pasti. Kesemua ini telah menyebabkan sifat 'I' menjadi sukar dijangka. Pembentukan identiti untuk 'diri' dan orang lain dalam situasi tertentu menjadi bermasalah kerana konsensus yang lemah di kalangan pelakunya. Maka, aktiviti kognitif, pengambilan peranan adalah penting dalam proses dialektik sedemikian. Ini juga bermakna identiti dalam perspektif ini adalah situasional, berkembang, timbal balik dan boleh dirundingkan. Tambahan pula, sarjana dalam interaksionisme prosesual telah melihat konsep-diri sebagai sebab musebab yang tidak dipisahkan dalam interaksi sosial (Gecas 1982: 10-11).

Dalam tradisi ini, pemerhatian adalah metode yang paling penting dan digunakan secara meluas untuk meneliti interaksi sosial dalam persekitaran sosial semula jadi. Metode ini mengizinkan penyelidik memahami proses pembentukan identiti dengan memasuki alam wacana dalam dunia sosial sebagai peserta yang memainkan peranannya. Metode lain seperti sejarah riwayat dan analisis sejarah telah digunakan untuk meneliti dunia interaksi yang bersifat situasional, berproses dan bermakna.

Di pihak lain, interaksionis struktural telah memfokuskan konsep ‘peranan’ sebagai pintu masuk untuk menilai identiti dan konsep-diri. Identiti dilihat lebih daripada peranan terbatin. Hubungan rapat antara peranan dan identiti itu digambarkan dalam konsep ‘peranan-identiti’. Konsep ini mengaitkan konsep-diri dengan struktur sosial. Peranan dianggap sebagai sebahagian daripada struktur sosial yang menawarkan asas untuk pemahaman konsep-diri dalam sesuatu konteks organisasi, iaitu sebagai sesuatu pembentukan ‘peranan-identiti’ yang pelbagai dimensi. Contohnya, Stryker (1979) mencadangkan, “... diri dilihat sebagai merangkum pelbagai identiti yang dikaitkan dengan peranan-peranan dan hubungan peranan yang membentuk elemen penting struktur sosial...”

Selain itu, Gordon (1976) telah menghujahkan bagaimana peranan mengait individu dengan struktur sosial: aspek nilai dalam peranan menghubungkan manusia dengan kebudayaan; aspek normatif dalam peranan menawarkan motivasi untuk kelakuan dan struktur untuk aksi sosial; dan aspek ‘pembentukan pemahaman’ atau interpretasi dalam peranan menentukan kognisi peribadi, kecenderungan sikap, memori dan perancangan.

Konsep peranan itu dilihat secara tipikal sebagai jangkaan tentang reaksi individu menurut status formal dan informalnya dalam sistem sosial. Di sini, ‘peranan’ dan ‘status’ telah digunakan secara saling bertukaran, terutamanya dalam konteks identiti.

Struktur konsep-diri telah dilihat sebagai organisasi ‘peranan-identiti’ yang bersifat hierarki individu. Sifat konsep-diri itu boleh difahami melalui konsep komitmen. Dalam pemahaman ‘struktur-diri’ ini, tahap komitmen terhadap identiti telah mempengaruhi kepentingan identiti dalam memandu perlakuan individu. Tahap komitmen itu ditentukan dengan sifat dan lokus ‘set-peranan’ dan ‘set-identiti’, iaitu jaringan identiti dan hubungan antara peranan-peranan sesuatu identiti.

Menurut Gecas (1982: 15), interaksionis struktural dalam instrumen *Twenty Statements Test* (TST) telah digunakan untuk meneliti identiti. TST adalah instrumen yang terbuka untuk menanya subjek mengenai isu “siapakah saya”. Dengan menggunakan teknik pengekodan, data abstrak yang dikumpulkan itu kemudiannya dikonkritkan. Sehingga ini, pengekodan pelbagai identiti telah dikembangkan untuk mengkategorikan identiti, meneliti hubungan antara konsep-diri dan struktur sosial dan mencari tren dalam identiti yang mengandungi konsep-diri.

Bagaimana harus kita mengkonseptualisasikan hubungan antara subjektiviti dan identiti? Menurut Barker (2000: 165), subjektiviti merujuk kepada situasi bagaimana manusia muncul dan proses bagaimana kita hidup sebagai manusia. Dalam perkataan lain, bagaimana kita dibentuk sebagai subjek. Sebagai subjek sosial, kita tertakluk kepada proses sosial yang mengacu kita muncul sebagai ‘subjek’ kepada orang lain dan kita sendiri. Konsep yang digunakan untuk melihat diri kita merujuk kepada ‘identiti-diri’ dan jangkaan orang lain terhadap kita pula adalah ‘identiti sosial’ kita. Kedua-dua bentuk ‘identiti-diri’ dan ‘identiti sosial’

itu berbentuk naratif. Maka, menurut Barker, untuk memahami apa itu subjektiviti, adalah penting untuk menanyakan “apa itu manusia”. Tambahan pula, untuk meneroka persoalan identiti, kita perlu bertanya: “bagaimana kita melihat kita sendiri dan bagaimana orang lain melihat kita?”

Perbincangan di atas menunjukkan wacana identiti tidak dapat dielakkan daripada hubungannya dengan subjektiviti. Menurut Weedon (2004: 19) lebih baik identiti difahamkan sebagai yang tetap dan malar bila individu dalam mod umum subjektiviti. Secara ideologi, identiti berfungsi untuk membataskan kemajmukan subjektiviti dalam keadaan merewang, ia menawarkan parameter kepada individu untuk melihat siapa diri mereka dan apa kedudukan mereka. Proses ini termasuk merekrut subjek ke dalam makna dan nilai khusus yang dibentuk dalam wacana yang tertentu yang menggalakkan identifikasi. Weedon (2004: 19) juga mencadangkan, “... identiti lebih baik difahamkan sebagai penetapan yang terbatas dan sementara untuk individu dalam mod subjektiviti tertentu ketika jelas siapa individu tersebut...”. Ringkasnya, di peringkat awal penyelidikan, penulis tidak menentukan aspek khusus identiti seperti identiti sosial, kebudayaan atau etnik. Sifat atau jenis identiti dalam penyelidikan ini bergantung pada subjektiviti responden.

PENDEKATAN ABDUKTIF

Dalam kajian yang lepas tentang identiti orang Cina di Malaysia, majoriti penyelidik telah menggunakan perspektif makro untuk meneliti perubahan dan pengekalan identiti orang Cina. Namun, dalam aspek metodologi, kedua-dua peringkat makro dan mikro itu berbeza dalam orientasi dan tekniknyanya.

Dari perspektif makro, secara ontologinya, penyelidik mengandaikan masyarakat sebagai struktur yang kompleks atau institusi sosial yang saling berhubungan. Sehubungan itu, pembentukan realiti sosial seperti identiti sudah dilihat sebagai hasil korelasi institusi atau struktur sosial dalam masyarakat. Penyelidik yang menggunakan analisis peringkat makro itu telah menekankan peranan dan fungsi struktur dalam menentukan identiti individu. Mereka mengandaikan identiti dipengaruhi perubahan struktur sosial. Orientasi penyelidikan makro adalah untuk menghipotesiskan korelasi antara identiti sosial dan struktur atau institusi sosial seperti politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama dalam masyarakat. Dalam kerangka teori ini, secara epistemologinya, pembinaan pengetahuan tentang identiti berasal daripada hipotesis yang terbukti.

Untuk mengesahkan hipotesis kajian, penyelidik makro secara konvensional telah menggunakan pendekatan deduktif. Dalam pendekatan ini, tujuan utama adalah untuk menguji hipotesis. Dalam proses ini, variabel yang abstrak telah dikonkritkan menjadi nilai angka yang dapat diukur. Secara tradisinya, data telah dikumpulkan dengan menggunakan metode tinjauan. Tambahan pula, borang soal selidik yang digunakan dalam tinjauan itu telah direka menurut

hipotesis kajian. Jenis metodologi kajian yang amat bersifat “*author-oriented*” itu bermakna penyelidikan yang menentukan aspek identiti mana yang hendak dikaji. Oleh itu, adalah tidak sesuai metodologi ini digunakan untuk memahami bagaimana orang Cina mengkonseptualisasikan identiti harian dalam subjektivitinya..

Ada juga penyelidik telah menggunakan perspektif mikro untuk mengkaji identiti orang Cina di Malaysia (Nonini 1997; Carstens 1983; 2005). Dalam perspektif mikro ini, mereka menggunakan pendekatan induktif. Orientasi penyelidikan ini adalah untuk membentuk generalisasi yang boleh menjelaskan identiti dalam dunia sosial. Dari segi ontologi, mereka mengandaikan masyarakat sebagai yang dibentuk daripada fenomena sosial, selain mengandaikan individu dalam masyarakat itu adalah subjek yang aktif, kreatif dan berkebolehan. Untuk memahami fenomena sosial seperti identiti, mereka mengumpul data dengan menggunakan metode pemerhatian, pemerhatian ikut-serta dan temu bual untuk merekodkan peristiwa yang berlaku. Akhirnya, mereka cuba memformulasikan kerangka teori untuk memahami tren dan corak fenomena sosial yang berkenaan.

Kembali kepada persoalan dalam penyelidikan ini, tujuan utamanya adalah untuk memahami interpretasi pelaku sosial tentang identiti sebagai realiti sosial. Walaupun perspektif kajian mikro ini mementingkan pelaku sosial dengan mengandaikan mereka mempunyai kebolehan dan kreativiti untuk mengkonseptualisasikan diri, tetapi pendekatan induktif itu tidaklah sesuai. Ini disebabkan pendekatan induktif itu terfokus kepada peristiwa sosial dengan meneliti hubungan sebab mubahnya. Fokus kajian ini adalah pengetahuan dan definisi pelaku sosial tentang identitinya.

Bagi penulis, pendekatan abduktif yang dicadangkan Blaikie (2000) itu lebih sesuai untuk tujuan kajian ini. Ia merangkumi pemikiran teori dalam hermeneutik, fenomenologi dan interpretivisme, terutamanya dalam tulisan Schutz (1967) dan Giddens (1984). Fokus utama pendekatan ini adalah meneliti kehidupan sosial dengan memahami motif dan pemerian pelaku sosial, maka sesuai untuk menentukan konsep harian, makna dan motif pelaku sosial bagi membina pemerian teknikal daripada pemerian harian yang biasa.

Untuk menggunakan pendekatan ini, secara ontologinya, dunia sosial diandaikan sebagai hasil manusia dengan semua aksi sosial itu bertujuan dan bermotif. Identiti adalah realiti sosial yang dibentuk pelaku sosialnya. Ia dibina individu, maka kemunculannya tidak dipisahkan daripada aktiviti manusia. Realiti sosial itu dilihat sebagai hasil proses perundingan ke atas makna kelakuan dan situasi dalam kehidupan harian pelaku. Realiti sosial adalah pengetahuan berkongsi yang dibina secara sosial yang mengandungi makna, simbol kebudayaan dan institusi sosial.

Di sini boleh disimpulkan dengan mengatakan bahawa untuk memahami kelakuan sosial, kita perlu memahami makna yang tersembunyi dalam kelakuan. Kehidupan sosial itu diandaikan berkembang di sekitar makna yang dikongsi

dan dicipta dalam proses interaksi sosial dalam kehidupan harian. Berdasarkan andaian sebegini, identiti orang Cina itu diandaikan sebagai hasil interaksi harian dengan menggunakan bahasa dan konsep yang boleh difahaminya. Sebagai realiti sosial, identiti mempunyai pelbagai aspek yang sentiasa berubah mengikut keadaan dan bergantung pada kehidupan sosial individu.

Dari aspek epistemologi, realiti sosial itu berdasarkan kepercayaan dan interpretasi pelaku sosial. Pengetahuan sosial saintifik diperoleh daripada makna dan konsep harian dan pengetahuan pembinaan sosial yang dikongsi. Dengan kata lain, perbincangan di peringkat mikro tentang identiti harus memfokus kepada makna yang diinterpretasikan harian itu dialih menjadi bentuk pengetahuan akademik (Blaikie 2000: 16).

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan ialah untuk menghasilkan generalisasi analitis berbanding dengan generalisasi yang bersifat statistik ke atas identiti orang Cina di Malaysia (Yin 1989 & 1993). Untuk memahami pembentukan identiti harian orang Cina Malaysia, penulis lebih memfokuskan 'orang Cina biasa' daripada 'orang Cina elit'. 'Orang Cina biasa' dalam kajian ini merujuk kepada rakyat biasa atau yang tidak menyandang jawatan penting atau autoriti dalam politik dan akademik. Sebuah kajian kes telah dijalankan ke atas jaringan sosial seorang informan utama, iaitu seorang suri rumah tangga dengan nama samarannya WSM sepanjang 18 bulan. Sebelas orang informan dalam jaringan sosial WSM telah dicari melalui metode *snow-balling*. Bilangan informan berhenti pada dua belas bila didapati data atau maklumat tentang pembentukan identiti telah mencapai ketepuan. Kesemua dua belas orang responden meminta nama mereka dirahsiakan kerana mereka menganggap kajian identiti orang Cina itu sensitif di Malaysia.

Dua belas orang Cina yang dipilih itu berasal dari latar belakang yang berlainan dari segi jantina, umur (dari dua puluh dua hingga tujuh puluh sembilan tahun), peringkat pendidikan (daripada yang tidak berpendidikan kepada pemegang ijazah sarjana), pekerjaan (pelajar, suri rumah tangga, kolar putih dan biru) dan bahasa (berbahasa Inggeris dan bukan-Inggeris) telah ditemu bual. Pada umumnya, mereka ditanya tentang latar belakang dan bagaimana melihat diri sebagai 'orang Cina'. Maklumat yang dirakam itu disahkan dengan melawat semula dan menanya semula perkara yang sama untuk menjelaskan maklumat mereka yang kemudiannya dianalisis dengan tema yang sama diidentifikasi untuk kemudiannya dibentuk tipologi identiti harian orang Cina. Data yang dianalisis itu juga digunakan untuk membina kerangka teori untuk memahami pembentukan identiti harian orang Cina Malaysia.

IDENTITI HARIAN ORANG CINA

Seperti yang didebatkan ahli anti-*essential*, identiti bukanlah gejala yang wujud dalam erti kata tiada *essential* dan yang mempunyai kualiti sejagat. Ia adalah

pembinaan merewang, hasil daripada wacana atau cara percakapan selaras tentang dunia. Dengan kata lain, identiti dibentuk dan diperbuat daripada perwakilan, terutamanya bahasa (Barker 2000). Oleh itu, seperti yang telah dinyatakan konsep identiti dan subjektiviti itu berhubung rapat sehingga tidak dapat dipisahkan.

Di bahagian ini, penulis ingin membincangkan bagaimana subjek sebagai pelaku sosial dalam mendefinisikan identiti. Jawapan subjek adalah dinamik dan subjektif dengan menggunakan logik dan rasionaliti. Walaupun jawapan mereka tidak bersifat sistematik seperti perbincangan dalam tulisan saintifik, namun menurut Thomas (1928) dalam teoremnya: "... Jika manusia mendefinisikan sesuatu keadaan sebagai yang benar, akhirnya ia akan menjadi benar..." Dengan kata lain, manusia boleh mengubah realiti dalaman yang dibina secara sosial seperti persepsi, idea, kepercayaan, sikap atau perasaan, menjadi realiti luaran yang dapat dilihat secara sosial seperti perlakuan, aksi atau aktiviti. Ada dua jenis identiti harian yang diidentifikasi dan dikategorikan menurut wacana subjek.

ORANG CINA 'PENCARI MAKAN' YANG RAJIN, FLEKSIBEL DAN PASIF

Kebanyakan orang Cina yang berhijrah ke Malaya pada abad ke-19 itu ingin mencari makan. Kini, merera telah menetap dan menjadi rakyat Malaysia. Namun, ciri kebudayaan orang Cina di peringkat awal itu masih dapat dikesan, terutamanya yang berkaitan dengan sifat 'rajin' mencari makan (找吃). Selain mengekalkan ciri itu, mereka juga telah membangunkan ciri lain, termasuk pasif, pendiam dan fleksibel kerana keadaan ekonomi dan politik negara ini. Seorang responden WSM mengatakan, orang Cina di Malaysia bersifat 明哲保身 (yang bermakna pandai mengelakkan diri daripada kesusahan untuk menjaga keselamatan diri). Mereka mementingkan diri dan menjaga kehidupan sendiri untuk dapat hidup dengan selesa. Dengan kata lain, orang Cina tidak berani bersuara, terutamanya tentang hak dan status politiknya.

Seorang penduduk tua, LQM yang telah berusia 70 tahun, menyatakan pandangan yang sama tadi dengan menekankan:

Kita orang Cina cuma cari makan di sini [Malaysia]. Bukan semua orang Cina ahli politik. Kita tidak tahu apa-apa. Siang dan malam bekerja sahaja. Awal pagi keluar kerja dan balik malam, tidak tahu apa yang terjadi di sekitar kita. Saya tidak pernah menyertai apa-apa aktiviti [politik], saya tidak pandai bercakap, tidak pandai membaca. Tidak ada modal untuk [saya] menyertai persatuan [politik]. Yang penting ialah menjaga diri, jangan ganggu orang lain. Kita mesti berfikir sebelum membuat suatu. Kalau orang lain melayan saya dengan baik, saya melayan dia dengan baik. Kalau orang lain melayan saya dengan buruk, saya cuba mengelak mereka.

LQM menambah:

Saya lihat orang Cina di Malaya cuma cari makan. Kalaulah tidak ada masalah perkauman, Malaysia adalah tempat yang lebih baik untuk hidup. Berbanding dengan orang Cina di Indonesia dan Filipina yang sentiasa terancam. I rasa kerajaan kita lebih baik. Yang paling penting ialah keamanan dan keselamatan, untuk terus mencari makan sampai mati di sini.

Yang boleh disimpulkan daripada kisah LQM itu ialah orang Cina ‘pencari makan’ yang ingin terus hidup, mereka terpaksa menjadi pasif dalam perjuangan untuk hak dan status yang setaraf, dan untuk mengelakkan masalah yang tidak diingini. Maka, orang Cina berdiam dan mengelakkan berkonfrontasi dengan kaum lain, walaupun merasa tidak dilayan dengan adil.

Responden yang lain, LNK, menekankan identiti orang Cina itu fleksibel dan berubah-ubah mengikut keadaan untuk ‘mencari makan’ dan terus hidup dengan mengatakan:

... orang Cina tetap membisu dan mencari cara untuk terus hidup dan mencari keuntungan. Orang Cina tidak akan membantah kerajaan kerana hanya ingin mencari keuntungan. Masa dulu, hidup orang Cina di China lebih susah, sebab itulah orang Cina keluar dari China ke negara lain. Untuk kehidupan, orang Cina sanggup bekerja lebih keras. Misalnya, jika orang lain bekerja 8 jam, orang Cina bekerja 10 jam. Majoriti orang Cina mempunyai sifat bersabar. Hanya segelintir yang berlawan dengan kerajaan. Orang Cina yang berkuasa dalam politik tidak akan berjuang untuk orang Cina dan juga tidak akan menjaga identiti orang Cina, selain menjaga kepentingan sendiri. Mereka berlakon membantu orang Cina ... Namun, orang Cina tetap menyokong mereka. Tanpa mereka, keadaan orang Cina akan menjadi lagi teruk. Sekurang-kurangnya ahli politik Cina itu dapat mencari peluang keuntungan untuk orang Cina yang lain. Misalnya, mendapat kontrak kerajaan dengan bekerjasama dengan orang Melayu. Ini paling penting. Apa gunanya bagi orang Cina menjadi Agong jika tidak ada keuntungan.

Maklumat LNK itu jelas menunjukkan identiti orang Cina sebagai ‘pencari makan’ untuk kehidupan dan keuntungan. Menurutnya, hal ini disebabkan latar belakang sejarah orang Cina mewarisi sifat nenek moyangnya: bersabar, berdiam diri dan tekun.

Responden dalam kajian ini menekankan beberapa sifat yang dapat menerangkan diri sebagai orang Cina di Malaysia. Mereka tidak melihat diri mereka berbeza sangat dengan nenek moyang yang datang ke sini untuk mencari kehidupan. Mereka masih mengidentifikasikan diri sebagai pencari makan kerana ingin terus hidup, walaupun telah hidup dalam keadaan yang lebih selesa kini berbanding dengan nenek moyang dahulu. Untuk memastikan dapat terus hidup di negara ini, sifat seperti rajin, fleksibel, berdiam diri dan pasif itu penting kepada orang Cina mengekalkan peluang mereka ‘mencari makan’ di Malaysia.

ORANG CINA SEBAGAI RAKYAT “KELAS KEDUA” YANG SENSITIF

Selain mendefinisikan identiti orang Cina yang bercirikan rajin, fleksibel dan pasif, ada responden lain melihat identiti itu dalam konteks status. SL, misalnya, mengatakan:

Di negara ini, kita faham kita adalah rakyat ‘kelas kedua’. ... Semua ini sudah lama wujud. Tidak guna kita risau dan bimbang. Kita tidak dapat buat apa-apa untuk memperbaiki status kita. Kita harus menghadapi dan menerimanya.

Sungguhpun SL melihat dirinya sebagai rakyat ‘kelas kedua’, dia tetap mengidentifikasikan dirinya dengan negara ini. Namun, dia juga mengakui identifikasi ini tidak melibatkan sifat cinta yang mungkin akan berubah nanti. Dia menambah:

Saya adalah sebahagian daripada negara ini. Saya rakyat negara ini. ... Ke mana boleh saya pergi? Saya memang pernah berfikir meninggalkan negara ini, jika saya tahu ada tempat lebih baik daripada negara ini ... Namun, ini bukan mudah, tidak mudah mencari sebuah negara yang sempurna.

Responden lain juga berkongsi pandangan seperti itu. WSM lihat perkara ini dengan lebih ekstrem lagi. Dia rasa takut bila mendengar ucapan ahli politik Melayu yang tidak adil kepada orang Cina, terutamanya tentang isu pendidikan. Berita seperti itu diumpamakannya sebagai ‘*mental bombing*’ baginya. Layanan yang tidak adil ke atas orang Cina kali pertama dirasai WSM bila dia nampak pelajar Melayu dan Bumiputera lain dalam kelasnya menerima wang bantuan sebanyak RM200 setiap bulan semasa belajar di Tingkatan Enam. Menurutnya:

Semua pelajar Bumiputera menerima wang, tidak kira kaya atau miskin. Ada antara mereka itu tidak memohon tetapi diberi juga bantuan. Walaupun ada ramai pelajar Cina miskin dalam kelas, tetapi tidak pernah menerima apa-apa bantuan.

Selain itu, LKC juga melihat layanan ke atas orang Cina secara positif kerana mendapati kedudukan dan layanan yang diterima orang Cina di Malaysia adalah lebih baik berbanding dengan orang India. Menurutnya, orang India masih hidup dalam kemiskinan. Sebaliknya, orang Cina di Malaysia boleh dikatakan berada antara ‘kelas pertama’ dan ‘kelas kedua’. Pendapat ini dikongsi TAL yang menegaskan adalah patut orang Melayu menerima bantuan daripada kerajaan kerana mereka adalah Bumiputera negara ini. Orang Melayu harus diberi bantuan kewangan kerana memang memerlukannya. Belia berkata:

Kita [orang Cina] masih mampu mencari wang dengan cukup untuk menikmati hidup yang selesa. Pada umumnya, hidup orang Cina di Malaysia baik dan *okay*. Jika dibandingkan dengan orang India, taraf kehidupan dan ekonomi mereka lebih rendah daripada kita. Ini disebabkan orang Cina mempunyai asas dalam sistem persekolahan, *hui guan* dan persatuan perniagaan, untuk membantu generasi baru.

Sikap positif TAL terhadap layanan kerajaan Malaysia kepada orang Cina juga disebabkan kebanggaannya dengan keupayaan dan reputasi orang Cina. Katanya:

Banyak syarikat luar negara yang berniaga di sini melihat orang Cina lebih baik dan berguna berbanding dengan kaum lain. Bila memilih pekerja, mereka lebih suka orang Cina kerana sentiasa menganggap orang Cina mempunyai ciri yang bagus, seperti ingin mempelajari ilmu dan kemahiran baharu, lebih agresif dan ingin memajukan diri. Menurut penyelia Jepun saya dan kawannya, orang Cina sentiasa mahu belajar, memajukan diri dan mempunyai cita-cita tinggi. Bangsa lain tidaklah sebaik orang Cina, walaupun ada juga yang mempunyai ciri dan kualiti seperti orang Cina.

Menurut pemerhatian penulis, majoriti informan melihat perbincangan tentang identiti orang Cina sesuatu perkara yang sensitif. Sikap terhadap ‘isu sensitif’ dalam perbualan dan interaksi harian itu ketara dalam komuniti Cina. Sikap ini berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalam bentuk *sub-consciousness* pelaku sosial. Kesensitifan ini menyekat tingkah laku pelaku sosial itu untuk mewujudkan hubungan harmoni di kalangan anggota sosial, sekalipun di tahap permukaan sahaja. Dengan kata lain, tafsiran pelaku sosial turut membentuk susunan sosial dalam masyarakat.

Sebagai rumusan, tanggapan identiti harian orang Cina Malaysia ini menonjolkan aspek ‘orang lain’ dalam identifikasi-diri individu. Orang Cina Malaysia sering membandingkan status sosialnya dengan kaum lain, terutamanya orang Melayu. Namun, individu yang berbeza itu berkemungkinan mempunyai deskripsi yang berlainan terhadap identiti orang Cina Malaysia walaupun perkara itu wujud dalam konteks yang sama.

PEMBENTUKAN IDENTITI ORANG CINA DALAM SUBJEKTIVITI

Dari perspektif mikro, individu dalam masyarakat itu diandaikan subjek yang mempunyai keupayaan berfikir, merasa, bertindak dan berinteraksi secara bebas. Pada masa yang sama, mereka juga belajar, memberi dan memberi semula makna kepada kelakuannya dan juga orang lain. Oleh itu, realiti sosial itu dibentuk interaksi dan intersubjektiviti individu. Dalam konteks pembentukan identiti itu, subjektiviti orang Cina (iaitu bagaimana mereka melihat diri sebagai subjek dalam masyarakatnya) boleh dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu subjektiviti terangsang, subjektiviti perduaan bertentangan dan subjektiviti struktural.

SUBJEKTIVITI TERANGSANG

Sebagai subjek masyarakat, orang Cina aktif berinteraksi dan sentiasa dirangsang simbol dalam dunia sosial. Kehadiran perangsang itu menyebabkan pelaku sosial

itu berfikir dan menilai siapa dirinya. Subjektiviti seperti ini telah dilabelkan sebagai subjektiviti terangsang. Perangsang terutamanya yang diperoleh daripada media popular, seperti akhbar dan televisyen. Iklan, berita dan komen dalam akhbar itu telah berfungsi sebagai medium untuk merangsang individu untuk menilai diri. Namun, proses interaksi antara individu dengan perangsang itu adalah subjektif. Simbol yang dipaparkan dalam media dengan simbol kelakuan individu itu mungkin ditafsirkan secara berlainan oleh individu. Tetapi, ia boleh ditafsirkan sebagai makna berkongsi atau intersubjektiviti.

Semasa kajian ini berjalan, WSM memaklumkan yang dia sedang mencari iklan tentang penjualan rumah kerana ingin membeli rumah. Dia dirangsang iklan yang menyatakan pemberian diskaun besar (7 hingga 9 peratus) kepada Bumiputera dalam pembelian rumah. Baginya, iklan sedemikian berfungsi sebagai pengingatan kepadanya bahawa status orang Cina adalah lebih rendah.

Selain iklan, WSM juga menekankan ucapan ahli politik, terutamanya menteri atau pegawai kerajaan kanan, sentiasa memperingatkannya tentang identiti Cina padanya. WSM memetik laporan berita tentang ucapan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohamed Salleh, di Perhimpunan Agung UMNO 2004. Dalam ucapannya, Dr. Shafie memberi jaminan kepada orang Melayu bahawa peratusan pelajar Melayu akan dijamin lebih daripada dahulu selagi orang Melayu terus memberi sokongan kepadanya. Menurut WSM, ucapan atau manifesto politik sebegini, sama ada di akhbar atau televisyen, telah membuatnya merasa tidak terjamin tentang masa depan anaknya. Sebagai orang Cina di Malaysia, dia berasa tidak berupaya dan khawatir akan anaknya tidak dapat masuk ke institusi pengajian tinggi tempatan kelak. Perangsang seperti ini menyebabkan WSM mengatakan "... Orang Cina di Malaysia telah membentuk sikap tidak ingin tahu dan hanya menjaga kehidupan diri, maka tidak berani bersuara..." Dia menggunakan peribahasa Cina 明哲保身 untuk menyifatkan sikap orang Cina dan sikap ini mengizinkan ahli politik Melayu memberi ucapan sensitif tanpa menghirau perasaan orang bukan Melayu.

Kes di atas menunjukkan subjektiviti individu dalam masyarakat itu adalah hasil perundingannya dengan yang berlaku di peringkat makro. Susunan masyarakat, sama ada harmoni atau tidak adalah yang bersifat dinamik dan tidak tentu. Ia boleh dipengaruhi bila subjektiviti individu itu dibentuk semula kerana adanya perangsang luaran.

SUBJEKTIVITI PERDUAAN PERTENTANGAN

Dalam dunia sosial, individu juga berinteraksi dengan subjek lain yang didefinisikan sebagai pesaing. Dalam konteks identiti, individu itu cenderung membezakan identitinya dengan membandingkan dirinya dengan kumpulan kaum pesaing. Sikap etnosentrik dan stereotaip terhadap kumpulan etnik lain, tanpa

boleh dielak, telah mempengaruhi subjektiviti jenis ini. Tambahan pula, dengan pengalaman yang terbatas dalam interaksi antara etnik, individu itu cenderung mempercayai generalisasi palsu itu sebagai yang benar.

Misalnya, responden LTL membentuk subjektif perduaan pertentangannya bila menceritakan kesucian orang Melayu dalam amalan agamanya dan keupayaannya mengurus kehidupan harian. Setelah membandingkan amalan agama orang Cina dengan amalan ugama orang Melayu, LTL menyimpulkan orang Melayu superfisial dalam amalan agamanya. Bagi LTL, orang Melayu tidak mengikut ajaran agama dengan baiknya dalam bulan puasa. Berdasarkan pengalaman, dia mendakwa selalu nampak pekerja Melayu makan di kilang waktu siang.

Berdasarkan pengalamannya, LTL juga mengatakan semasa melawat negeri Terengganu dan Kelantan yang merupakan 'negeri Islam', dia pernah nampak orang Melayu makan 'wantan' (sejenis makanan orang Cina yang tidak halal) di restoran orang Cina. Dia juga mengkritik "polisi Islam" yang melaksanakan segregasi jantina sebagai yang tidak waras dan tidak berguna. Dia amat tidak faham bagaimana dasar itu boleh dilaksanakan ke atas kenderaan awam, seperti bas, atau stesen bas dan juga rumah.

SUBJEKTIVITI STRUKTURAL


Dalam kajian sosial, tradisi struktural biasanya menganalisis masyarakat dengan membahaginya kepada bahagian yang berlainan dan meneliti hubungan antara satu dengan yang lain. Namun, keupayaan ini tidak sahaja dipunyai ahli sains sosial, tetapi juga individu dalam masyarakat bila membincangkan identiti dan subjektiviti. Di sini, beberapa faset utama seperti biologi, latar belakang, politik, pendidikan, bahasa dan budaya telah dibentuk dalam wacananya.

Semasa responden menceritakan pemahamannya tentang identiti orang Cina, WHS membincangkannya dalam konteks latar belakang dan keturunan, bahasa, adat istiadat, falsafah, hak politik dan sosialisasinya. Selain WHS, enam orang responden lain juga menggunakan analisis struktural untuk mendefinisikan identiti orang Cina, walaupun mereka memfokuskan faset identiti yang berlainan.

Pemerhatian penting dalam kajian ini menunjukkan sosialisasi formal itu telah memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan pelaku sosial menganalisis fakta sosial dan merasionalkan hujahnya. Adalah ternyata daripada kajian ini tentang informan yang menggunakan analisis struktural itu pernah menerima pendidikan formal yang lebih tinggi. Informan yang tidak menerima pendidikan formal itu pula tidak berupaya menganalisis dan menceritakan wacananya secara sistematik. Mereka banyak bergantung pada pengalaman hidup untuk mendefinisikan identiti.

MEDEFINISIKAN IDENTITI ORANG CINA

Bagaimana orang Cina mendefinisikan identitinya? Pelaku sosialnya bergantung pada sumber pengetahuannya untuk mendefinisikan identitinya. Tidak dinafikan bahawa hampir kesemua responden dalam kajian ini mengakui tidak pernah memikirkan definisi identiti atau kecinaan. Pengetahuan seumpama ini disebut pengetahuan ‘taken-for-granted’, iaitu responden belum pernah memikirkan perkara itu dengan teliti, selain menganggap mereka telah mengetahuinya (Garfinkel 1967). Rajah 1 menerangkan bagaimana orang Cina bertindak sebagai pelaku sosial membentuk identiti harian dalam subjektiviti. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu sumber pengetahuan, konteks dan proses interaksi.



RAJAH 1. Pembentukan identiti harian pelaku sosial dalam subjektiviti

Kajian ini menunjukkan sumber pengetahuan responden tentang identitinya itu meliputi pengalaman, pembacaan dan sosialisasi. Sebagai pelaku sosial yang berpengetahuan, responden mempunyai keupayaan untuk mengkategorikan pengalamannya dan menggunakannya bila diperlukan (Schutz 1967; Water 1994). Majoriti informan menunjukkan sumber utama pengetahuannya adalah daripada pembacaan akhbar. Mereka juga mengatakan keupayaan menganalisis fakta sosial, realiti atau simbol dalam sosial itu telah dipelajari daripada proses sosialisasi yang boleh dibahagikan kepada sosialisasi formal dan tidak formal.

Bagaimana informan mendefinisikan identiti Cinanya juga telah dipengaruhi konteks yang boleh bersifat yang umum dan yang khusus. Konteks yang umum itu merujuk kepada norma sosial yang dikongsi semua informan. Hampir semua responden menganggap perbincangan tentang kedudukan orang Cina dengan membandingkannya dengan kedudukan orang Melayu itu adalah isu yang sensitif yang mungkin akan membawa risiko kepada mereka. Sementara itu, informan juga mungkin mempunyai pandangan yang berlainan disebabkan perbezaan nilai kerana berada dalam institusi yang berlainan dan latar belakang kebudayaan yang berbeza-beza, seperti pendidikan, agama, famili, peringkat kehidupan dan keupayaan linguistik.

KESIMPULAN

Dalam proses interaksi, informan sebagai pelaku sosial itu aktif dan peka dalam mentafsirkan fakta sosial dan simbol dalam dunia sosialnya. Tetapi, kepentingan simbol dan fakta sosial itu bergantung pada konteks informan masing-masing. Dengan kata lain, hanya simbol dan fakta sosial yang relevan akan difokuskan dan digunakan informan dalam konteksnya. Oleh itu, seperti yang dijumpai dalam kajian ini, hanya isu dan masalah yang berkaitan telah dipilih informan sebagai perangsang kepada mereka semasa membincangkan identiti. Perangsang itu berfungsi melalui media atau interaksi sosial dalam kehidupan harian informan. Kemudian, isu dan masalahnya telah ditafsirkan dengan informan bertindak mengikut tafsiran masing-masing. Tafsiran itu berkemungkinan akan dikekalkan dan dikukuhkan bila ada inter-subjektiviti, atau mungkin dibentuk semula bila tafsiran itu sudah berbeza. Kesemua ini bergantung pada interaksi informan dengan pelaku sosial yang lain.

Menggunakan perspektif makro sahaja dalam mengkaji identiti orang Cina adalah tidak memadai. Untuk memurnikan pemahaman tentang pembentukan identiti orang Cina, realiti di peringkat mikro juga penting. Sebagai pelaku sosial, orang Cina Malaysia menunjukkan keupayaan, kreativiti dan pemikiran dalam proses membentuk identitinya. Mereka mempunyai logik dan metode dalam mengkonseptualisasikan identitinya. Selain itu, identiti harian yang dibentuk orang Cina Malaysia adalah cair, dinamik dan bergantung pada keadaan.

PENGHARGAAN

Kertas ini adalah versi yang diperbaiki daripada kertas kerja yang sudah dibentangkan di *the Fifth International Convention of Asia Scholars*, Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur pada 2-5 Ogos 2007. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah membantu menyiapkan artikel ini. Pertamanya, Profesor Dr Shamsul A.B. yang sabar menyelia saya

untuk menyiapkan kajian ini; keduanya, Profesor Dr. Victor T. King yang telah memberi komen yang membina ke atas tulisan ini, dan ketiganya, Encik Lee Keng Chan yang telah mengedit artikel ini supaya lebih senang dibaca.

RUJUKAN

- Barker, C. 2000. *Cultural Studies: Theory And Practice*. London: Sage.
- Becker, H. 1963. *Outsider*. New York: Oxford University Press.
- Blaikie, N. 2000. *Designing Social Research: the Logic of Anticipation*. Cambridge: Polity Press.
- Blumer, H. 1969. *Symbolic Interactionism*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Carstens, S. A. 1983. Pulau Hakka Chinese Malaysian: a Labyrinth of Cultural Identities: 79-98. In Gosling, L. A. P. & Lim Linda Y.C. (eds.). *The Chinese in Southeast Asia*. Singapore: Maruzen Asia.
- Carstens, S. A. 2005. *Histories, Cultures, Identities: Studies in Malaysian Chinese Worlds*. Singapore: Singapore University Press.
- Chui, Kwei Chiang. 1990. *新马华人国家认同的转向 1945-1959 (Perubahan identiti orang Cina Singapura dan Malaya 1945-1959)*. Singapore: Nanyang Xuehui.
- Cooley, C.H. 1902. *Human Nature and the Social Order*. New York: Charles Scribner's Son.
- Erikson, E. 1968. *Identity: Youth and Crisis*. New York: Norton.
- Freud, S. 1910. The Origin and Development of Psychoanalysis. *American Journal of Psychology*, 21 (2): 196-218.
- Garfinkel, H. 1967. *Studies in Ethnomethodology*. Los Angeles: University of California.
- Gecas, V. 1982. The self-concept. *Annual Review of Sociology* 8: 1-33.
- Giddens, A. 1984. *The Constitutions of Society: Outline of the Theory of Structuration*. Berkeley: University of California Press.
- Glaser, B. & Strauss, A. 1967. *The Discovery of Grounded Theory*. Chicago: Aldine.
- Gordon, C. 1976. Development of Evaluated Role Identities. *Annual Review of Sociology*, 2: 405-433.
- Hara, F. 2003. *Malayan Chinese and China: Conversion in Identity Consciousness 1945-1957*. Singapore: Singapore University Press.
- Hou, Kok Chung. 2002. *Malaysian Chinese: Identity, Culture and Ethnic Conflict*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Study.
- James, W. 1890. *The Principles of Psychology*. London: Henry Holt.
- Ku, Hung Ting. 2003. *教育与认同: 马来西亚华文中学教育之研究: 1945-2000. Education and Identity: a Study on Chinese Secondary Education in Malaysia: 1945-2000*. Xiamen: Xiamen University Press.
- Lee, Kam Hing & Tan Chee Beng (eds.). 2000. *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Lee, Yok Fee. 2003. Identiti Orang Cina Di Malaysia: satu Tulisan Tentang Tipologi Kajian Lepas dari Segi Epistemologi dan Metodologi. Kertas seminar untuk *Persidangan Kebangsaan, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran: Cabaran Pembangunan Dilema Persekitaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 12-13 September.
- Lichtenstein, H. 1977. *The Dilemma of Human Identity*. New York: Jason Aronson.

- Loh, Kok Wah, Francis. 1988. Chinese New Villagers and Political Identity. Cushman, Jennifer W. & Wang, Gungwu (ed.). *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese Since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Loh, Kok Wah, Francis. 2000. Chinese New Villages: Ethnic Identity and Politics. In Lee, Kam Hing & Tan, Chee-Beng (ed.). *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mead, G.H. 1934. *Mind, Self and Society*. Chicago: University of Chicago Press.
- Mohd Taib Osman. 1989. *Malay Folk Beliefs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nagata, J. 1985. Chinese Custom and Christian Culture: Implications for Chinese Identity in Malaysia. In Suryadinata, Leo (ed.). *Southeast Asian Chinese: The Socio-Cultural Dimension*. Singapore: Times Academic Press.
- Nonini, D.M. 1997. Shifting Identities, Positioned Imaginaries: Transnational Traversals And Reversals by Malaysian Chinese: 203-227. In Ong Aihwa & Nonini, D.M. (eds.). *Ungrounded Empire: The Cultural Politics of Modern Chinese Transnationalism*. New York: Routledge.
- Plummer, K. 2003. Identity. In Outhwaite, W. *The Blackwell Dictionary of Modern Social Thought*: 280-282. Malden: Blackwell Publishers.
- Rosenberg, M. 1979. *Conceiving the Self*. New York: Basic Books.
- Schutz, A. 1967. *The Phenomenology of The Social World*. New York: Northwestern University Press.
- Shamsul, A. B. 1997. The Making of a 'Plural' Malaysia: a Brief Survey: 67-83. In D.Y.U. Wu, H. MacQueen & Yamamoto Y (ed.) *Emerging Pluralism in Asia and the Pacific*. Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Stone, G.. 1962. Appearance and the Self. In Arnold M. Rose (ed.), *Human Nature And Social Process*. Boston: Houghton Muffin Company.
- Stryker, S. 1979. The Profession: Comments From An Interactionist's Perspective. *Sociological Focus* 12:175-186.
- Tan, Chee Beng. 1983. Acculturation and the Chinese in Melaka: The Expression of Baba Identity Today. In Gosling, L.A. Peter & Lim, Linda Y.C. (eds). *The Chinese in Southeast Asia*. Singapore: Maruzen Asia.
- _____. 2000. Socio-cultural Diversities and Identities. In Lee, Kam Hing & Tan, Chee-Beng (eds.). *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Thomas, W.I. & Thomas, D.S. 1928. *The Child in America: Behavior Problems and Programs*. New York: Knopf.
- Wang, Gungwu. 1988. The Study of Chinese Identities in Southeast Asia. In Cushman, Jennifer W. & Wang, Gungwu. (eds.). *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese Since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Weedon, C. 2004. *Identity and Culture: Narratives of Difference and Belonging*. London: Open University Press.
- Yin, R.K. 1989. *Case Study Research: Design and Method*. Newbury Park, CA: Sage.
- _____. 1993. *Applications of Case Study Research*. Newbury Park, CA: Sage.

(Sumber asal rencana ini adalah dalam bahasa Inggeris dengan judul *Everyday Identity in Malaysian Chinese's Subjectivities* dan sudah diterbitkan dalam jurnal *Akademika* 75, 2009: 21-41)

Penulis dan penterjemah: Lee Yok Fee, Ph D
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang

Emel: leeyokfee@putra.upm.edu.my